

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Amedin*
2. Bagaimana *Amedin* berfungsi
3. Sebelum mula menggunakan *Amedin*
4. Cara menggunakan *Amedin*
5. Semasa menggunakan *Amedin*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Amedin*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Amedin*

Amedin adalah salah satu daripada kumpulan ubat yang dikenali sebagai antagonis kalsium.

Amedin digunakan untuk merawat:

- Tekanan darah tinggi
- Sakit dada yang disebabkan oleh penyempitan saluran darah otot jantung (angina pectoris) atau bagi kes yang jarang berlaku, sakit dada yang disebabkan oleh kekejangan saluran darah otot jantung.

Bagaimana *Amedin* berfungsi

- Bagi pesakit dengan tekanan darah tinggi, *Amedin* berfungsi dengan melegakan saluran darah, supaya darah melaluinya dengan lebih mudah.
- Bagi pesakit dengan sakit dada (angina), *Amedin* berfungsi dengan meningkatkan bekalan darah ke otot jantung supaya lebih banyak oksigen diterima dan ini menghalang sakit dada daripada berlaku. Amlodipine tidak memberikan kelegaan segera untuk sakit dada yang disebabkan oleh angina.

Sebelum menggunakan *Amedin*

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan *Amedin* jika anda mempunyai alahan terhadap amlodipine (bahan aktif di dalam *Amedin*), atau bahan-bahan tidak aktif yang disenaraikan di Maklumat lanjut.

- Sebelum mula menggunakan *Amedin*

- Beritahu doktor anda jika anda
- mempunyai kegagalan jantung atau telah mengalami serangan jantung pada bulan yang lalu.
 - mempunyai masalah hati
 - memberi ubat ini kepada kanak-kanak di bawah 18 tahun

- berusia lanjut, doktor anda boleh memantau anda dengan teliti.
- hamil atau merancang untuk menjadi hamil. Doktor anda akan menentukan jika *Amedin* merupakan rawatan yang terbaik untuk anda.
- sedang menyusukan bayi. Jangan menyusukan anak semasa mengambil *Amedin*. Berhenti menyusukan anak atau mengambil ubat yang berbeza.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda mengenai semua ubat jantung atau tekanan darah lain yang anda ambil.

Mungkin ada ubat lain yang boleh berinteraksi dengan amlodipine. Beritahu doktor anda mengenai semua ubat yang anda gunakan. Ini termasuk preskripsi, ubat tanpa preskripsi, vitamin, dan produk herba. Jangan memulakan ubat baru tanpa memberitahu doktor anda.

Mengambil *Amedin* dengan makanan dan minuman

Ubat anda boleh digunakan sebelum atau selepas makan.

Pengambilan serentak dengan jus limau gedang boleh menyebabkan peningkatan paras bahan aktif ubat, amlodipine dalam darah. Walau bagaimanapun, peningkatan ini adalah sangat sedikit untuk memberi kesan terhadap tekanan darah atau kadar dengupan jantung. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, bincang dengan doktor atau ahli farmasi.

Cara menggunakan *Amedin*

- Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa *Amedin* adalah 5mg sekali sehari. Jika kesan yang diinginkan tidak dapat dicapai dalam masa 2-4 minggu, doktor anda mungkin akan meningkatkan dos kepada 10mg sekali sehari

- Bila perlu digunakan

Adalah lebih baik jika anda mengambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari dengan minuman air. Jangan mengambil *Amedin* dengan jus limau gedang.

- Berapa lama perlu digunakan

Sentiasa mengambil ubat anda seperti mana anda telah diberitahu oleh doktor anda. Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda masih tidak pasti. Ia adalah penting untuk meneruskan pengambilan tablet. Jangan tunggu sehingga tablet anda habis sebelum berjumpa doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan bimbang. Jika anda terlupa untuk mengambil pil, tinggalkan dos itu. Ambil dos seterusnya pada masa yang tepat. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan tablet berlebihan boleh menyebabkan anda tidak sihat. Jika anda mengambil terlalu banyak *Amedin*, hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke jabatan kecemasan hospital yang terdekat.

Doktor anda akan menasihatkan anda berapa lama untuk mengambil ubat anda. Keadaan anda boleh kembali jika anda berhenti menggunakan ubat anda sebelum anda dinasihatkan. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai bagaimana untuk mengambil produk ini, minta nasihat doktor atau ahli farmasi.

Semasa menggunakan *Amedin*

- Perkara yang perlu dilakukan

Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya sekali lagi. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, tanya doktor atau ahli farmasi.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini telah ditetapkan untuk anda. Jangan serahkan kepada orang lain. Ini boleh menjejaskan mereka, walaupun simptom mereka adalah sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Amedin biasanya tidak akan menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Amedin boleh menyebabkan kesan sampingan yang berikut. Kebanyakan kesan sampingan adalah:

- sakit kepala
- kaki atau buku lali bengkok
- keletihan, mengantuk yang terlampau
- sakit perut, loya
- pening
- perasaan panas di muka anda
- aritmia (degupan jantung yang tidak teratur)
- degupan jantung yang sangat cepat

Beritahu doktor anda jika anda bimbang tentang apa-apa kesan sampingan yang anda alami. Ini bukan semua kesan sampingan *Amedin*. Untuk senarai yang lengkap, tanya doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan *Amedin*

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di tempat yang kering di bawah 25°C.

Jangan gunakan ubat anda selepas tarikh luputnya yang dicopkan pada pek. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Amedin 5 mg dan 10 mg tablet berwarna putih, bulat, rata, tidak bersalut, dengan tepi serong, kosong pada kedua-dua belah tablet.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: Amlodipine
Tablet mengandungi amlodipine besilate (bersamaan dengan 5 mg dan 10 mg amlodipine).

- Bahan tidak aktif: *Starch Maize, Lactose Monohydrate, Dibasic Calcium Phosphate, Povidone K-30, Purified Talc, Magnesium Stearate, Sodium Starch Glycolate.*

- Nombor MAL

MAL06061695A (*Amedin* 10mg)

MAL07010917A (*Amedin* 5mg)

Pengilang

Medreich Limited,
Avalahalli, Bangalore-560 062
INDIA.

Pemegang Pendaftaran Produk

DKSH Malaysia Sdn Bhd
74, Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

07/08/2014